

12 DEC 2002

Sorotan-Buruh

TAHUN SEDERHANA BAGI SEKTOR BURUH: NEGARA AMAN DAN DAMAI

Oleh: S.Retna

KUALA LUMPUR: Hukuman lebih berat bagi pendatang asing tanpa izin, undang-undang lebih ketat bagi pengambilan buruh asing, memperkenalkan Skim Saraan Malaysia (SSM) dan pembayaran bonus paling tinggi bagi kakitangan awam dalam masa enam tahun adalah perkara-perkara yang mendapat perhatian dalam sektor tenaga kerja di negara ini sepanjang 2002.

Tahun ini bermula dengan kejutan apabila kerajaan, dalam usaha untuk mengekang pendatang asing tanpa izin daripada menimbulkan pelbagai masalah sosial di negara ini, mencadangkan supaya hukuman sebat dan penjara dikenakan terhadap mereka yang memasuki negara ini secara haram.

Ini dilakukan menerusi pindaan Akta Imigresen yang diluluskan Parlimen dan berkuatkuasa pada 1 Ogos.

Undang-undang itu dipinda berikutan masalah berpunca daripada pendatang asing tanpa izin telah mencapai tahap serius hingga mengancam keselamatan negara.

Sebelum menguatkuasakan undang-undang itu, beratus-ratus ribu pendatang asing tanpa izin dihantar pulang ke negara mereka di bawah program pengampunan kerajaan Malaysia.

Semasa tempoh pengampunan itu, kira-kira 468,000 pendatang asing tanpa izin pulang dengan sukarela dan hampir separuh daripada rakyat Indonesia itu bekerja dalam industri pembinaan.

PERJANJIAN ANTARA KERAJAAN

Kerajaan juga memutuskan bahawa mulai tahun ini, buruh asing akan hanya dibenarkan masuk menerusi perjanjian antara kerajaan dengan kerajaan, dalam usaha untuk memantau tenaga buruh asing yang bekerja di negara ini. Malaysia juga berharap untuk menandatangani perjanjian serupa dengan 10 negara lain tahun depan.

Bagi memudahkan pelaksanaan perjanjian itu, kerajaan juga mengumumkan penubuhan bursa tukaran buruh asing yang akan dilaksanakan pada pertengahan 2003.

Apabila satu perjanjian ditandatangani dengan negara tertentu, pekerja dari negara itu akan dibenarkan bekerja di Malaysia dengan beberapa syarat yang antaranya ialah mereka mesti fasih sama ada dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris serta berkemahiran.

Antara negara yang Malaysia mahukan tenaga buruhnya ialah Nepal, Myanmar, Sri Lanka, India, Uzbekistan, Kemboja, Filipina dan Laos.

SSM MENGGANTIKAN SSB

Senario dalam negara juga menyaksikan kerajaan memansuhkan Skim Saraan Baru (SSB) dan menggantikannya dengan Skim Saraan Malaysia (SSM), yang Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs), anggap sebagai langkah besar ke hadapan dalam hubungan perindustrian di negara ini.

Kesatuan itu, yang melindungi hampir satu juta kakitangan awam, memuji skim gaji baru itu yang akan berasaskan kepada keberkesanan dan pengetahuan kerja.

Menurut laporan, hampir satu juta kakitangan awam telah memilih skim baru itu selepas mereka diberikan opsyen sehingga 1 Nov untuk memilih antara SSB dan SSM.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semasa mengumumkan skim baru itu pada Ogos lepas, berkata SSM bukanlah penyemakan gaji secara

menyeluruh tetapi merupakan peningkatan kepada SSB.

Cuepacs menganggap skim itu sebagai satu tanda dalam era baru perkhidmatan awam memandangkan peningkatan gaji berasaskan potensi dan keupayaan akan merangsang kakitangan awam untuk bekerja lebih gigih.

Kerajaan juga memberi satu bulan bonus kepada kakitangan awam, yang merupakan pembayaran paling tinggi kepada sektor itu dalam tempoh enam tahun lepas. Pengumuman mengenai pembayaran bonus itu diumumkan oleh Dr Mahathir selepas membentangkan Bajet Negara 2003.

Pembayaran bonus itu dilihat oleh kesatuan sekerja kakitangan awam sebagai langkah kerajaan menunjukkan penghargaannya kepada kakitangan awam di atas usaha mereka membantu kerajaan melaksanakan pentadbirannya.

MTUC GAGAL CAPAI OBJEKTIF

Suasana di sektor swasta bagaimanapun tidak sehebat sektor awam apabila ia dilihat gagal menyelesaikan isu-isu buruh yang berlanjutan sekian lama.

Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), badan induk sektor swasta, berjuang mendapatkan gaji minimum RM900 untuk sektor swasta dan gaji tetap bulanan untuk semua pekerja ladang. Bagaimanapun, tiada satupun daripada objektif ini dicapai tahun ini.

Satu-satu perubahan penting yang wajar disebut ialah peralihan kepimpinan dalam MTUC apabila presidennya selama 17 tahun, Senator Zainal Rampak, mengumumkan bahawa beliau akan melepaskan jawatan itu pada 31 Dis ini bagi memberi laluan kepada timbalannya Mohamad Shafie B.P. Mammal untuk mengambil alih jawatan itu.

Perjanjian ini dicapai pada pemilihan MTUC awal tahun ini tetapi tidak jelas sama ada Zainal akan mengotakan janjinya itu.

Zainal dan Mohamad Shafie membuat perjanjian itu pada Mac lepas, hanya dua hari sebelum pemilihan pemimpin bagi jawatan tertinggi MTUC.

Mohamad Shafie pada mulanya dicalonkan untuk menentang Zainal tetapi selepas menandatangani perjanjian itu, beliau menarik balik pencalonannya dengan harapan dapat menerajui MTUC mulai 1 Jan, 2003.

Zainal, yang juga anggota kesatuan sekerja veteran, telah dipilih bagi empat penggal berturut-turut sebagai seorang daripada empat naib presiden badan pentadbir Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO). Setiap penggal itu adalah bagi tempoh tiga tahun.

Zainal, yang berkhidmat sebagai timbalan anggota sejak 1993 dalam badan pentadbir buruh itu, dilantik sebagai anggota penuh pada 1999.

Kesimpulannya, rakyat dan negara telah mendapat manfaat daripada keharmonian yang wujud sepanjang tahun di sektor buruh, yang secara langsung menyumbangkan kepada pemulihan ekonomi dan kestabilan politik serta menarik perhatian banyak negara lain. -- Bernama

SR LDB NAK RR